



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PELAN JALINAN DIGITAL NEGARA (JENDELA) DI LANDASAN BAKAL CAPAI SASARAN DITETAPKAN

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah pun memasuki bulan kesepuluh pelaksanaannya. Pada hari ini, saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu JENDELA untuk laporan Suku Tahun JENDELA Fasa 1 (bagi tempoh antara April – Jun 2021) dan telah diberi taklimat berkaitan dengan pencapaian terkini pelaksanaan pelan berkenaan. Berdasarkan taklimat Jawatankuasa Pemandu tersebut, pelaksanaan JENDELA setakat ini telah mempamerkan hasil memberangsangkan iaitu kesemua sasaran suku tahun yang ditetapkan telah berjaya dicapai. Laporan penuh Suku Tahun JENDELA sedang dimuktamadkan dan akan diumumkan kepada pihak media dan penganalisis pada 9 Julai ini.

Sesungguhnya, JENDELA membawa aspirasi peningkatan liputan dan pengukuhan infrastruktur kesalinghubungan internet negara yang mampan dan inklusif. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan penyedia perkhidmatan juga telah membentangkan pencapaian terkini usaha-usaha memastikan premis-premis mendapat akses gentian optik, pembinaan tapak baharu, menaik taraf stesen pemancar sedia ada dan penamatan rangkaian 3G menjelang akhir Disember 2021.

Turut diketengahkan ialah pewujudan peta JENDELA, yang merupakan salah satu sasaran untuk Fasa 1. Peta berkenaan merupakan pusat sehenti untuk rakyat dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti untuk menyemak liputan rangkaian di kawasan mereka, menghantar maklum balas dan permohonan perkhidmatan baharu daripada penyedia perkhidmatan masing-masing. Semua maklum balas yang dihantar melalui peta ini akan disalurkan kepada penyedia perkhidmatan untuk membolehkan mereka merancang perkhidmatan serta kesalinghubungan yang lebih baik kepada rakyat pada masa hadapan.

Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat berkaitan dengan kos untuk menjalankan perniagaan di negeri-negeri bagi pembinaan menara dan struktur bumbung, laporan berkenaan dengan aduan rangkaian dan usaha yang diambil oleh MCMC dan pihak penyedia perkhidmatan dalam menyelesaikan segera aduan berkaitan kesalinghubungan.

Keputusan Kerajaan untuk mewartakan telekomunikasi sebagai utiliti awam baru-baru ini juga akan memastikan akses perkhidmatan komunikasi bukan sahaja dapat disediakan secara menyeluruh dan berkualiti tinggi tetapi juga cepat dan pada kos yang berpatutan kepada penduduk. Selain itu, kesemua negeri juga diseru untuk terus memberi keutamaan dalam melicinkan pelaksanaan projek-projek kesalinghubungan ini.

Saya berpuas hati dengan kemajuan pelaksanaan JENDELA yang dipantau rapi oleh Jawatankuasa Pelaksanaan JENDELA dianggotai oleh MCMC dan pihak industri yang bermesyuarat setiap dua minggu. Berdasarkan perkembangan ini, JENDELA dijangka mampu memberi tahap pengalaman perkhidmatan jalur lebar lebih berkualiti di seluruh negara sekaligus memberi manfaat berimpak tinggi kepada kehidupan harian rakyat.

Kami di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan terus memantau perkembangan pelan ini secara menyeluruh bagi memenuhi permintaan rakyat yang semakin meningkat serta aspirasi JENDELA direalisasikan demi kesejahteraan rakyat.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

8 JULAI 2021